



## SIARAN AKHBAR

### 25 SYARIKAT PMKS JOHOR TERIMA BANTUAN KEWANGAN BERNILAI LEBIH RM1.71 JUTA

**JOHOR BAHRU, 10 Oktober 2023** – Sebanyak 25 syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) negeri Johor menerima bantuan kewangan berbentuk geran dan pembiayaan bernilai lebih RM1.71 juta daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya, SME Corp. Malaysia. Bantuan kewangan tersebut dilaksanakan melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) berjumlah RM230,000, Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) sebanyak RM687,000 dan RM800,000 lagi di bawah Skim Pembiayaan Pengukuhan PKS (SME Revitalisation Financing - SMERF). Penyerahan replika cek bantuan kewangan tersebut dibuat bersempena Siri Jelajah dan Sesi Taklimat Program Pengukuhan Mikro MADANI (Mikro MADANI) Peringkat Wilayah Selatan melibatkan hampir 400 orang peserta di Hotel Holiday Villa, Johor hari ini.

YBrs. Encik Rizal dalam ucapan aluannya semasa Siri Jelajah dan Sesi Taklimat Program Mikro MADANI berkata, “Akses kepada pembiayaan kekal menjadi isu utama yang membelenggu PMKS, khususnya perusahaan mikro. Justeru, SME Corp. Malaysia telah memperkenalkan Program Mikro MADANI yang menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan mikro dalam bentuk geran dan pinjaman serta baucar melalui lima (5) inisiatif utama iaitu Geran Perniagaan Mikro (GPM), Geran Perniagaan Belia Mikro@TUBE, BEEP Plus Sabah dan Sarawak, dan Baucar Status PMKS”.

Menurut beliau lagi, “Sehingga September 2023, SME Corp. Malaysia telahpun memperakukan pendaftaran sebanyak 27,054 pemohon berstatus PMKS dan daripada jumlah ini, sebanyak 3,121 PMKS (11.5%) adalah dari negeri Johor”.

Permohonan untuk Program Mikro MADANI telahpun dibuka sejak dilancarkan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada

20 September yang lalu. Bagi mempermudah perusahaan mikro memohon bantuan, mereka boleh memanfaatkan permohonan secara dalam talian dan maklumat lanjut berkenaannya boleh diakses di laman sesawang SME Corp. Malaysia melalui pautan <http://smecorp.gov.my/MIKROMADANI>.

Siri Jelajah dan Sesi Taklimat Program Mikro Madani di Johor Bahru merupakan lokasi ketiga selepas Kuantan, Pahang dan Kuching, Sarawak. Siri jelajah ini akan diteruskan dengan penganjurannya di Alor Setar, Kedah pada 12 Oktober 2023 sebelum melabuhkan tirainya di Kota Kinabalu, Sabah pada 20 Oktober 2023.

Hadir sama dalam Siri Jelajah dan Sesi Taklimat Program Pengukuhan Mikro Madani Peringkat Wilayah Selatan ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBrs. Tuan Haji Mohd Radzi Haji Mohd Amin, Pengarah Eksekutif Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) dan Cik Noor Atika Idayu Othman, Penolong Setiausaha, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
Emel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)